1993 – 2023
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)




# LAPORAN TAHUNAN

## INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

Diterbitkan oleh:
UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)
Lot 5, Persiaran Universiti
Seksyen 15, Bandar Baru Bangi
43650 Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: 03-8924 3400
E-mel: ilkap@ilkap.gov.my

Hakcipta Penerbit:
Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan.

2023




# KANDUNGAN


**Perutusan Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP** 5-6
Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki

**Kata Pengantar Ketua Pengarah ILKAP** 7-8
Rushan Lutfi bin Mohamed

**Maklumat Korporat** 10-18
Visi dan Misi
Fungsi dan Piagam Pelanggan
Carta Organisasi
Pemegang Taruh ILKAP
Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP
Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP

**Pengurusan Kanan ILKAP** 19-28
Pengurusan Tertinggi ILKAP
Pejabat Ketua Pengarah ILKAP
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah ILKAP

**Bahagian Latihan** 29-59
Program Kehakiman
Program Litigasi
Program Penasihat
Program Perundangan
Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran

**Bahagian Pengurusan** 60-100
Seksyen Kewangan, Pentadbiran dan Perkhidmatan
Seksyen Domestik, Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset
Seksyen Teknologi Maklumat

**Bahagian Maklumat** 101-111
**Unit Penyelidikan dan Inovasi** 112-117
**Unit Integriti** 118-125



# KANDUNGAN


**Sambutan 30 Tahun ILKAP** 126-136
Sejarah Penubuhan ILKAP

**Laporan Khas** 137-151
Program “Jom Jadi Peguam ! 2023”
*ILKAP SPEAKER SERIES 2023:*
“Isu dan Cabaran Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang di Malaysia dari Perspektif PDRM”

**Aktiviti Tahunan ILKAP** 152-192
Pelaksanaan Kursus Kerjasama bersama Agensi/ Jabatan Lain
Lawatan dan Kunjungan Hormat
Pertandingan Inovasi ILKAP 2023
Program *Team Building* ILKAP 2023
Aktiviti Lain Pegawai ILKAP

**Laporan Pencapaian Bahagian Pengurusan ILKAP 2023** 193-197
Projek Pembangunan Bahagian Pengurusan
Projek Pembangunan Seksyen Teknologi Maklumat
Projek Pembangunan Seksyen Domestik, Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset
Jasamu Dikenang

**Sidang Redaksi** 198-199




30 Tahun
ILKAP
MALAYSIA
1993 – 2023
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

# PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGURUSAN

# Perutusan PENGERUSI LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP




**Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali**
Ketua Setiausaha Negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, segala puji kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, Buku Laporan Tahunan ILKAP tahun 2023 dapat diterbitkan dengan jayanya. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Pengarah ILKAP dan semua warga ILKAP atas khidmat cemerlang dan dedikasi dalam melaksanakan segala tugas yang diamanahkan sepanjang tahun 2023.

Selamat ulang tahun yang ke-30 kepada ILKAP! Ini adalah suatu kejayaan yang cemerlang dan semestinya memerlukan penambahbaikan berterusan dan sedaya upaya (Islah Masta To'tum). Saya berharap ILKAP terus memberikan sumbangan yang berharga kepada masyarakat dan negara. Ketekunan dan azam ILKAP selama tiga dekad ini adalah satu pencapaian yang terpuji. Prestasi ILKAP, terutama dalam melatih pegawai kehakiman dan perundangan adalah nyata dari komitmen dan semangat kecemerlangan warga ILKAP.

ILKAP telah memainkan peranan penting sebagai institusi latihan awam dalam bidang kehakiman dan perundangan. Keberhasilan ILKAP dalam melahirkan pegawai perkhidmatan yang berpengetahuan, berkemahiran dan profesional adalah suatu pencapaian yang sangat membanggakan. Saya percaya sumbangan ILKAP akan terus meningkat seiring dengan konsep Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri.

Beralih dari amalan dalam talian kepada secara bersemuka pada tahun 2023 menunjukkan adaptabiliti ILKAP terhadap perubahan keadaan pasca pandemik COVID-19. Kejayaan dalam menyempurnakan kursus berjadual dengan pencapaian 100% adalah suatu pencapaian yang membanggakan dan kita berharap momentum ini dapat diteruskan pada tahun-tahun mendatang.

Seiring dengan perkembangan semasa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, saya berharap agar ILKAP terus bersiap sedia menghadapi cabaran, perubahan dan kekangan yang mungkin timbul pada masa mendatang. Program latihan yang berkualiti dan bersifat dinamik adalah kunci kejayaan dan relevansi ILKAP di dalam menghadapi realiti globalisasi.

Akhir kata, semoga ILKAP terus cemerlang sebagai sebuah institusi latihan awam yang dinamik dan berkesan dalam menyumbang kepada pembangunan negara terutamanya dalam bidang kehakiman dan perundangan.




30 Tahun

1993 – 2023

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

# KATA PENGANTAR KETUA PENGARAH ILKAP

# Kata Pengantar KETUA PENGARAH ILKAP

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tahun 2023 memberikan makna yang besar buat ILKAP kerana pada tahun ini genap 30 tahun usia penubuhannya. Selama lebih 30 tahun ini, ILKAP telah melakar pelbagai bentuk pencapaian pada peringkat nasional dan antarabangsa yang amat membanggakan. Dalam tempoh ini juga, ILKAP terus berada pada landasan yang selari dengan visi, misi, objektif dan peranannya sebagai peneraju kecemerlangan tenaga kerja profesional yang mampan dalam bidang kehakiman dan perundangan di Malaysia.

Tahun 2023 terbukti menjadi tempoh mencabar bagi ekonomi global serta Malaysia, diasak oleh faktor seperti ketegangan geopolitik yang berlanjutan, pengetatan dasar monetari bagi menangani inflasi serta peningkatan risiko kelembapan ekonomi di serata dunia. Bagaimanapun, struktur ekonomi Malaysia yang pelbagai serta asas kukuh yang dibina selama ini, telah meningkatkan daya tahan ekonomi serta meletakkan negara di landasan pertumbuhan yang stabil. Walaupun berdepan cabaran semasa, ILKAP terus mara ke hadapan menggalas tugasnya dengan menyediakan program latihan dalam bidang kehakiman dan perundangan di Malaysia. Walaupun terdapat pelbagai cabaran, tahun 2023 sekali lagi menyaksikan ILKAP berjaya merealisasikan program latihan sebagaimana yang dirancang apabila kesemua program latihan berjadual yang dirancang dan program latihan *ad hoc* dapat dijalankan dengan jayanya melalui pelbagai medium pembelajaran sama ada melalui pelaksanaan secara bersemuka, secara dalam talian mahupun melalui hibrid. Tahniah diucapkan. Pada tahun 2023 juga telah menyaksikan ILKAP *Speaker Series* (ISS) kembali menemui khalayak dengan tajuk "Isu dan Cabaran Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang di Malaysia dari Perspektif PDRM". Program tahunan ini telah mula diperkenalkan sejak tahun 2014 merupakan wadah perkongsian ilmu dengan tokoh-tokoh terkemuka dan berpengalaman dalam bidang perundangan.



**Rushan Lutfi bin Mohamed**
Ketua Pengarah ILKAP

Dalam kesempatan ini, saya menyeru agar semua warga ILKAP dapat memulakan tahun baharu 2024 ini dengan penuh semangat, azam serta iltizam yang tinggi. Semoga tahun ini dan tahun-tahun mendatang sentiasa memberikan peluang untuk kita melaksanakan urusan kehidupan dan pekerjaan dengan berjaya dan cemerlang.

Sekalung penghargaan dan tahniah pada sidang redaksi yang telah berjaya menyumbang idea, tenaga serta memberikan komitmen padu dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan ILKAP 2023 ini. Buku ini merupakan wacana penting sebagai refleksi dan manifestasi pencapaian, aktiviti, sumbangan dan kejayaan ILKAP sepanjang tahun 2023.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Harith Sham bin Yasin, Timbalan Ketua Pengarah ILKAP, barisan Pengurusan Tertinggi ILKAP serta seluruh warga ILKAP atas sokongan dan kerjasama bagi menjayakan semua program dan aktiviti sepanjang tahun 2023. Saya percaya kecemerlangan ini perlu diteruskan bersama dalam melangkah ke hadapan bagi memastikan ILKAP terus unggul sebagai pusat kecemerlangan perundangan dan kehakiman di negara ini.

Terima kasih dan selamat maju jaya kepada semua!

Sekian, wassalam.

30 Tahun

ILKAP MALAYSIA

1993 – 2023

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

# MAKLUMAT KORPORAT



# MAKLUMAT KORPORAT

## PENGENALAN

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah ditubuhkan susulan keputusan Jemaah Menteri pada 18 Mac 1992 dan mula beroperasi pada 23 Disember 1993. Jemaah Menteri juga telah memutuskan supaya ILKAP diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri

## VISI

Peneraju kecemerlangan tenaga kerja profesional yang mampan dalam bidang kehakiman dan perundangan di Malaysia.

## MISI

Meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kompetensi dan profesionalisme pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan agensi penguatkuasaan dengan melaksanakan latihan yang relevan, berkualiti dan efektif selaras dengan perkembangan undang-undang semasa.

## OBJEKTIF

Meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan kualiti perkhidmatan pekhidmat awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam bidang kehakiman dan perundangan dan penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan perkhidmatan yang adil, cekap dan berkesan melalui latihan yang sistematik dan terancang.

# PIAGAM PELANGGAN

Kami adalah komited untuk menyediakan program latihan yang berkualiti selaras dengan hala tuju ke arah peningkatan kecekapan, kecemerlangan dan profesionalisme pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang:

Kami berjanji akan:

- merancang dan melaksanakan projek latihan yang berkualiti mengikut kurikulum yang ditetapkan;
- menjalankan tidak kurang daripada 90% kursus yang dirancang setiap tahun;
- menyampaikan maklumat berkaitan dengan jadual program latihan tidak lewat daripada sebulan sebelum latihan dilaksanakan;
- menyediakan tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang kursus yang akan dijalankan;
- menyediakan bahan rujukan yang komprehensif dan terkini;
- memastikan prasarana latihan dan semua keperluan peralatan latihan berfungsi dengan baik dan siap untuk digunakan sebelum kursus bermula dan pada setiap masa kursus berjalan;
- menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai, selesa dan kondusif;
- memastikan tuntutan segala pembayaran dilaksanakan dalam tempoh 14 hari; dan
- memastikan bahawa semua pertanyaan dan aduan diberi maklum balas dalam tempoh 48 jam.

# CARTA ORGANISASI ILKAP

## INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
## JABATAN PERDANA MENTERI

**RUSHAN LUTFI BIN MOHAMED**
Ketua Pengarah
Ketua Pengarah Jusa B

**HARITH SHAM BIN MOHAMED YASIN**
Timbalan Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah Jusa C

- **MASTURA BINTI HUSAIN**
  Program Perundangan
  Pengarah L54
- **HASILA BINTI AWANG**
  Program Litigasi
  Pengarah L54
- **MUHAMMAD FIRDAUS BIN JAMALUDIN**
  Program Kehakiman
  Pengarah L54
- **DR. GAN CHEE KEONG**
  Program Penasihat
  Pengarah L54
- **NORKARIMAH BINTI MAT TAHIR**
  Program Pembangunan Kerjaya & Pentadbiran
  Pengarah L52

**HARIZAN BINTI HUSSIN**
Bahagian Pengurusan
Pendaftar M52

- **SASIKUMAR A/L SATHASIVAM**
  Seksyen Kewangan, Pentadbiran & Perkhidmatan
  Timbalan Pendaftar M48
- **JOYCE MELAI CHAN YUEN LING**
  Seksyen Domestik, Penyelenggaraan & Pengurusan Aset
  Timbalan Pendaftar M48
- **NOR NAZIRAWATI@NUR IZZATI BINTI ANANG**
  Seksyen Teknologi Maklumat
  Pegawai Teknologi Maklumat F44

**SITI MANORIAH BINTI SALLEH**
Bahagian Maklumat
Pengarah S48

**ADIS YAZLINEY BINTI YAZIK**
Unit Penyelidikan Dan Inovasi
Ketua Unit L52

**MOHD NOR AIMAN BIN AB PATAR**
Unit Integriti
Penolong Pegawai Tadbir N29



# PEMEGANG TARUH



# AHLI LEMBAGA PENGURUSAN TERTINGGI



TAN SRI DATO' MOHD ZUKI BIN ALI
**KETUA SETIAUSAHA NEGARA (PENGERUSI)**
**1 JANUARI 2020- KINI**

TAN SRI IDRUS BIN HARUN
**PEGUAM NEGARA MALAYSIA**
**5 JUN 2020 - 5 SEPTEMBER 2023**

DATUK AHMAD TERRIRUDIN BIN MOHD SALLEH
**PEGUAM NEGARA MALAYSIA**
**11 SEPTEMBER 2023 - KINI**



DATO' SERI DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED
**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**
**28 FEBRUARI 2023 - KINI**

DATO' ASRI BIN HAMIDON
**KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN MALAYSIA**
**JUN 2020 – 2 FEBRUARI 2023**

DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN
**KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN MALAYSIA**
**28 FEBRUARI 2023 - KINI**

# AHLI LEMBAGA PENGURUSAN TERTINGGI



DATO' HASBI BINTI HASAN
**KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**
**MAC 2022 - KINI**

DATUK ABD SHUKOR BIN MAHMOOD
**KETUA PENGARAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI**
**MEI 2022 – 6 MAC 2023**

DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD
**KETUA PENGARAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI**
**24 MAC 2023 - KINI**



PROF. MADYA DR. HARTINI BINTI SARIPAN
**DEKAN FAKULTI UNDANG-UNDANG UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

DATO' ZAMANI BIN IBRAHIM
**PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA**

RUSHAN LUTFI BIN MOHAMED
**KETUA PENGARAH ILKAP (SETIAUSAHA)**
**17 JULAI 2023 - KINI**

# MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) merupakan sebuah agensi Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang beroperasi pada 23 Disember 1993.

ILKAP merupakan platform yang menyediakan latihan terutamanya kepada Pegawai Kehakiman dan Perundangan bagi meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pegawai-pegawai dalam bidang kehakiman dan perundangan. ILKAP berfungsi mengendalikan pelbagai jenis kursus/ bengkel/ seminar yang dirancang khusus mengikut keperluan dan kehendak pemegang taruh yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan Jabatan Perdana Menteri.

Menyusuri tiga dekad penubuhan ILKAP, peranan dan tanggungjawab ILKAP dalam pembangunan modal insan Pegawai Kehakiman dan Perundangan adalah tidak asing lagi. ILKAP dikawal selia dan diuruskan oleh Lembaga Pengurusan ILKAP yang berperanan secara aktif dalam menetapkan matlamat jangka panjang dan menggubal dasar-dasar termasuk pengawalan program yang dijalankan di ILKAP.

Lembaga Pengurusan ILKAP dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan ahli-ahlinya terdiri daripada Peguam Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, seorang peguam bela dan peguam cara yang dilantik oleh Kerajaan dan seorang Dekan Fakulti Undang-Undang daripada universiti tempatan. Ketua Pengarah ILKAP merupakan Setiausaha kepada Lembaga Pengurusan ILKAP dan turut bertanggungjawab dalam menyelia sistem pentadbiran ILKAP.

Lembaga Pengurusan ILKAP bermesyuarat dengan kekerapan sebanyak dua (2) kali setiap tahun. Dalam tahun 2023, oleh sebab kekangan masa, kedua-dua mesyuarat tersebut tidak dapat dijalankan dan digantikan dengan Kertas Edaran Lembaga Pengurusan ILKAP yang telah diedarkan kepada semua ahli Lembaga Pengurusan ILKAP pada 11 Julai 2023 dan 16 November 2023.



Kertas Edaran Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 1/2023 yang diedarkan pada 11 Julai 2023 kepada ahli Lembaga Pengurusan ILKAP adalah seperti yang berikut:

| MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP BIL. 1/2023 | |
|---|---|
| BIL | LAPORAN MESYUARAT |
| 1. | Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP Tahun 2022 bagi tempoh 1 September 2022 hingga 31 Oktober 2022. |
| 2. | Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP bagi Tahun 2023 bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Mac 2023. |
| 3. | Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus dan Akaun Amanah ILKAP bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 dan Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus dan Akaun Amanah ILKAP bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Mei 2023. |

Kertas Edaran Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 2/2023 yang diedarkan pada 16 November 2023 kepada ahli Lembaga Pengurusan ILKAP adalah seperti yang berikut:

| MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP BIL. 2/2023 | |
|---|---|
| BIL | LAPORAN MESYUARAT |
| 1. | Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP Tahun 2023 bagi tempoh 1 April 2023 hingga 31 Ogos 2023. |
| 2. | Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus dan Akaun Amanah ILKAP bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 dan Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus dan Akaun Amanah ILKAP bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 30 September 2023. |
| 3. | Laporan Cadangan Program Latihan ILKAP bagi Tahun 2024 |

Kertas Edaran Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 1 dan 2 tahun 2023 tersebut telah diluluskan oleh ahli Lembaga Pengurusan ILKAP.



30 Tahun
1993 – 2023
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

# PENGURUSAN KANAN ILKAP

# PENGURUSAN TERTINGGI ILKAP



## KETUA PENGARAH DAN TIMBALAN KETUA PENGARAH



RUSHAN LUTFI
BIN MOHAMED
Ketua Pengarah
Bahagian Latihan



HARITH SHAM
BIN MOHAMED YASIN
Timbalan Ketua Pengarah
Bahagian Latihan

## PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN LATIHAN



MUHAMMAD FIRDAUS
BIN JAMALUDIN
Pengarah
Program Kehakiman



MASTURA BINTI HUSAIN
Pengarah
Program Perundangan



HASILA BINTI AWANG
Pengarah
Program Litigasi



DR. GAN CHEE KEONG
Pengarah
Program Penasihat



HARIZAN BINTI HUSSIN
Pendaftar
Bahagian Pengurusan



NORKARIMAH
BINTI MAT TAHIR
Pengarah
Program Pembangunan Kerjaya
dan Pentadbiran



ADIS YAZLINEY BINTI YAZIK
Pengarah
Unit Penyelidikan dan Inovasi



SITI MANORIAH
BINTI SALLEH
Pengarah
Bahagian Maklumat



SASIKUMAR A/L SATHASIVAM
Timbalan Pendaftar
Seksyen Kewangan,
Pentadbiran dan
Perkhidmatan



JOYCE MELAI CHAN YUEN LING
Timbalan Pendaftar
Seksyen Domestik,
Penyelenggaraan dan
Pengurusan Aset



NOR NAZIRAWATI@NURIZZATI
BINTI ANANG
Timbalan Pendaftar
Seksyen Teknologi Maklumat



30 Tahun
1993 – 2023
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

# PEJABAT KETUA PENGARAH

# PEJABAT KETUA PENGARAH ILKAP



Rushan Lutfi bin Mohamed

**KETUA PENGARAH**



Mohd Raihemi
bin Sulaiman



Rosmawati binti Ramly



Mohamad Ibrahim
bin Mohd Yusof


RUSHAN


1993 - 2023


Court Forms



30 Tahun ILKAP MALAYSIA

1993 – 2023

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

# PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH



# PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH ILKAP



Harith Sham bin Mohamed Yasin

**TIMBALAN KETUA PENGARAH**



Zalinawati binti Joha @ Sulong



Norashidah Najla binti Jeffri



Nor Azni bin Shamsudin





**Bahagian Latihan ILKAP** bertanggungjawab merancang, mengatur dan menjalankan kursus/ seminar/ bengkel (“program latihan”) untuk memastikan kerelevanan dan kesesuaian program latihan dengan perkembangan undang-undang semasa.

Demi memenuhi keperluan Kerajaan untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme pegawai kehakiman dan perundangan serta penjawat awam yang terlibat dalam pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang, Bahagian Latihan ILKAP sentiasa berusaha untuk menjalankan program latihan dengan cara yang sistematik dan terancang.

# PROGRAM KEHAKIMAN

# PROGRAM LITIGASI

# PROGRAM PERUNDANGAN

# PROGRAM PENASIHAT

# PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA DAN PENTADBIRAN



30 Tahun

ILKAP

MALAYSIA

1993 – 2023

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

# PROGRAM KEHAKIMAN

# PROGRAM KEHAKIMAN

Program Kehakiman di bawah Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Kehakiman) bertanggungjawab merancang, membangun, mengurus dan melaksanakan kursus/ bengkel/ seminar berkaitan pelbagai aspek kehakiman termasuklah etika kehakiman, *decorum* dan tanggungjawab sebagai Pegawai Kehakiman serta prosedur, kaedah-kaedah dan teknik penterjemahan di mahkamah dan teknik dalam penyelesaian pertikaian alternatif.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2023, Program Kehakiman telah berjaya menganjurkan sebanyak 22 kursus/ bengkel/ seminar berjadual. Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*). Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program Kehakiman ILKAP pada tahun 2023 secara keseluruhannya adalah seramai 776 orang peserta.

Perincian kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Kehakiman ILKAP pada tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA FIZIKAL

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Kursus Penterjemahan Untuk Jurubahasa Mahkamah (Lisan dan Penulisan) | 9 – 11 Mei 2023 | 30 |
| 2. | Kursus Asas Majistret dan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah (Jenayah) | 9 – 11 Mei 2023 | 22 |
| 3. | *Workshop on Preparation of Cabinet Paper, Legal Opinion and Comments on Legal Issues in Cabinet Paper* | 29 – 31 Mei 2023 | 29 |
| 4. | Kursus Taksiran Ganti Rugi dan Kos | 13 – 15 Jun 2023 | 29 |
| 5. | Bengkel Tatacara Mencabar Kebolehpercayaan Saksi | 26 – 27 Jun 2023 | 31 |
| 6. | Kursus Penolong Pegawai Undang-Undang | 4 – 6 Julai 2023 | 29 |
| 7. | Seminar Konflik Bidang Kuasa Undang-Undang Sivil dan Syariah di Malaysia | 17 Julai 2023 | 33 |
| 8. | Kursus Permohonan Reman dan Permohonan Pelbagai Kes Jenayah | 25 – 26 Julai 2023 | 46 |
| 9. | *Course on Crime Sentencing Process* | 15 – 17 Ogos 2023 | 30 |

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 10. | Kursus Hibah, Wasiat, Amanah dan Pentadbiran Harta Pusaka (Hartanah) Orang Islam | 5 – 7 September 2023 | 31 |
| 11. | Kursus Fungsional Jurubahasa | 5 – 9 September 2023 | 32 |
| 12. | Seminar Pengurusan dan Pelupusan Barang Kes | 12 – 14 September 2023 | 49 |
| 13. | Kursus Asas Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar | 19 – 20 September 2023 | 33 |
| 14. | Kursus Forensik Digital | 20 – 21 September 2023 | 29 |
| 15. | *Seminar on Maritime Safety: Dealing with Marine Pollution in Malaysia* | 4 – 5 Oktober 2023 | 28 |

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Seminar Undang-Undang Fitnah Internet (*Internet Defamation*) di Malaysia | 25 Januari 2023 | 30 |
| 2. | Seminar Lambakan Produk Kecantikan dan Kesihatan di Pasaran-Implikasi dan Hak Pengguna | 7 – 8 Februari 2023 | 22 |
| 3. | Kursus Konflik Bidang Kuasa Undang-Undang Tanah dalam Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah | 7 Mac 2023 | 29 |
| 4. | Kursus Sisa Pepejal – Peranan Mahkamah dan Tanggungjawab Penguatkuasaan | 20 – 21 Mac 2023 | 29 |
| 5. | Seminar Keganasan Rumah Tangga | 7 Julai 2023 | 31 |
| 6. | Seminar Poligami - Hak dan Tanggungjawab | 10 – 11 Oktober 2023 | 29 |
| 7. | Seminar Mengenai Akta Pengurusan Strata 2013 | 17 – 18 Oktober 2023 | 33 |



22 KURSUS

776 BILANGAN PESERTA

KURSUS DALAM TALIAN 7

# KURSUS *AD-HOC* PROGRAM KEHAKIMAN
## KURSUS KHAS *E-KEHAKIMAN* (PEGAWAI PENGUAT KUASA)
18 SEPTEMBER 2023

Kursus ini telah dijalankan pada 18 September 2023 bertempat di Bilik Enakmen, Bangunan Perdana, ILKAP selama satu hari. Seramai 19 orang peserta telah mengikuti kursus ini yang terdiri daripada pelbagai agensi pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Selayang dan lain-lain lagi.

**Objektif kursus adalah seperti berikut:**

a. memberi pengenalan kepada sistem *e-Kehakiman* di Malaysia serta komponen-komponen berkaitan seperti sistem *e-Lelong* dan *e-Jamin*;

b. menambah pengetahuan peserta berhubung cara-cara penggunaan sistem *e-Kehakiman* sebagai pengguna dan juga prosedur-posedur khusus serta perundangan yang berkaitan dengannya; dan

c. memberi pendedahan kepada peserta berhubungi aspek praktikal penggunaan sistem serta tatacara yang tepat dalam penggunaan sistem tersebut.




Puan Assayidatun Najwa binti Muhammad Nasat, Penolong Kanan Pendaftar daripada Bahagian *e-Kehakiman*, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan telah diberikan tanggungjawab menggalas tugas sebagai penceramah untuk kursus ini.

Kursus ini telah diselaraskan oleh Tuan Muhammad Firdaus bin Jamaludin, Pengarah Program Kehakiman dan dibantu oleh Puan Sharifah 'Aishah Almohdhar binti Syed Mohamed, Penolong Pegawai Undang-Undang.

# WARGA PROGRAM KEHAKIMAN




Muhammad Firdaus bin Jamaludin

**PENGARAH**



Suzana binti Abdul Latiff



Siti Noor Mazrah binti Ahmad Din



Bharathy a/p Balakrishnan



Nurhidayah binti Mohtar



Mohd Faizu bin Razali



Anastasia David Sze


BANGUNAN PERDANA
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
(ILKAP)









30 Tahun

ILKAP

MALAYSIA

1993 – 2023

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

# PROGRAM LITIGASI

# PROGRAM LITIGASI

Program Litigasi di bawah Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Litigasi) bertanggungjawab merancang, membangun, mengurus dan melaksanakan kursus/ bengkel/ seminar berkaitan pelbagai aspek litigasi kes sivil dan jenayah termasuklah:

- etika, peranan dan tanggungjawab Timbalan Pendakwaraya, Peguam Persekutuan dan Pegawai Penguatkuasaan;
- aspek kemahiran kepeguaman dalam mengendalikan perbicaraan dan rayuan;
- perundangan substantif dan prosedur yang berkaitan dengan litigasi jenayah dan sivil; dan
- perkembangan undang-undang terkini dalam perkara jenayah dan sivil.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2023, Program Litigasi telah berjaya menganjurkan sebanyak 22 kursus/ bengkel/ seminar berjadual. Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*). Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program Litigasi ILKAP pada tahun 2023 secara keseluruhannya adalah seramai 684 orang peserta.

Perincian kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Litigasi ILKAP pada tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA FIZIKAL

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1 | Kursus Kepeguaman berhubung dengan Pentadbiran Kes Kebankrapan dan Penggulungan Syarikat | 16 – 18 Mei 2023 | 29 |
| 2 | Kursus Pendakwaan Jenayah Siber | 12 – 15 Jun 2023 | 31 |
| 3 | Kursus Prosiding oleh dan terhadap Kerajaan di bawah Akta Prosiding Kerajaan 1956, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 | 13 – 14 Jun 2023 | 24 |
| 4 | *Workshop on Examination of Witnesses* | 3 – 6 Julai 2023 | 27 |
| 5 | Bengkel Teknik Pendakwaan (Pelbagai Jabatan) Siri 1 | 24 – 28 Julai 2023 | 27 |
| 6 | Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP - UiTM) Bil. 1/2023 | 8 – 30 Ogos 2023 | 30 |
| 7 | *Course on the Law relating to Sexual Crimes* | 15 – 18 Ogos 2023 | 26 |

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 8. | Kursus Siasatan dan Pendakwaan Jenayah Narkotik dan Akta-Akta yang Berkaitan | 21 – 24 Ogos 2023 | 24 |
| 9. | Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP - UiTM) Bil. 2/2023 | 4 – 26 September 2023 | 30 |
| 10. | Kursus *Prosiding Inkues* dan Tatacara Pengendalian Kes Kematian dalam Tahanan (*Custodial Death*) | 12 – 14 September 2023 | 29 |
| 11. | Bengkel Siasatan dan Pendakwaan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM) | 2 – 5 Oktober 2023 | 27 |
| 12. | *Course on Electronic Evidence* | 3 – 5 Oktober 2023 | 25 |
| 13. | Kursus Pendakwaan yang Efektif bagi Kes Jenayah (Timbalan Pendakwa Raya) | 3 – 5 Oktober 2023 | 32 |
| 14. | *Workshop on Effective Strategy of Trials and Appeals Procedures in Civil Cases* | 3 – 5 Oktober 2023 | 29 |
| 15. | Bengkel Teknik Pendakwaan (Pelbagai Jabatan) Siri 2 | 16 – 20 Oktober 2023 | 35 |

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | *Course on Pre-Trial Procedures in Civil Litigation* | 17 – 19 Januari 2023 | 31 |
| 2. | Kursus berkaitan Kes Melibatkan Orang Tak Sempurna Akal di bawah Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah | 30 – 31 Januari 2023 | 39 |
| 3. | *Course on Expert Evidence in Civil and Criminal Cases* | 13 – 16 Februari 2023 | 38 |
| 4. | Bengkel Pengendalian Kes Kemalangan Jalan Raya | 20 – 23 Februari 2023 | 31 |
| 5. | *Course on Crime Scene Forensic Evidence and Investigation* | 27 Feb – 3 Mac 2023 | 45 |
| 6. | Kursus Pengendalian Kes Perjudian | 14 – 16 Mac 2023 | 29 |
| 7. | Bengkel Kemahiran Advokasi dalam Kecuaian Perubatan | 14 – 16 Mac 2023 | 46 |



**22 KURSUS**

**684 BILANGAN PESERTA**

**KURSUS DALAM TALIAN 7**

# WARGA PROGRAM LITIGASI



Hasila binti Awang

**PENGARAH**



Tania Arissa binti Andi Sanrang



Yusliza binti Awal



Ainnan binti Mohd Rasid



Esah binti Mohd Said



Noor Sabrina binti Mat Yusop



Nor Fazlina binti Mat Radzi




FAZLINA
ESAH


BERSEKUTU
BERTAMBAH MUTU

30 Tahun

1993 – 2023

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

# PROGRAM PENASIHAT

# PROGRAM PENASIHAT

Program Penasihat di bawah Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Penasihat) bertanggungjawab merancang, membangun, mengurus dan melaksanakan kursus/ bengkel/ seminar berkaitan pelaksanaan undang-undang semasa. Ia termasuklah undang-undang Syariah dan Antarabangsa serta isu-isu perundangan, pengendalian penyelidikan undang-undang yang berkesan, dan penyediaan pandangan undang-undang dan nasihat perundangan yang berkesan dan berkualiti.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2023, Program Penasihat telah berjaya menganjurkan sebanyak 20 kursus/ bengkel/ seminar berjadual. Daripada jumlah tersebut, enam (6) daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*). Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program Penasihat ILKAP pada tahun 2023 secara keseluruhannya adalah seramai 587 orang peserta.

Perincian kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Penasihat ILKAP pada tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA FIZIKAL

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Kursus Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak di Malaysia | 16 - 15 Mei 2023 | 29 |
| 2. | Kursus Punca Kuasa, Perwakilan Kuasa dan Penurunan Kuasa | 30 - 31 Mei 2023 | 36 |
| 3. | *Course on Interpretation Acts 1948 and 1967 – First Series* | 13 - 15 Jun 2023 | 23 |
| 4. | Kursus Akauntabiliti dan Integriti dalam Pengurusan Kewangan | 20 - 21 Jun 2023 | 19 |
| 5. | *Workshop on Drafting and Vetting ICT Related Clauses in Government Contract* | 20 - 22 Jun 2023 | 27 |
| 6. | Kursus Penggubalan, Kemungkiran dan Penamatan Kontrak Kerajaan | 11 - 13 Julai 2023 | 22 |
| 7. | *Course on Interpretation Acts 1948 and 1967 - Second Series* | 1 - 3 Ogos 2023 | 22 |
| 8. | *Course on Effective Legal Research* | 15 - 16 Ogos 2023 | 27 |
| 9. | *Course on Introduction to Construction Law in Malaysia* | 21 - 24 Ogos 2023 | 24 |
| 10. | Kursus Undang-Undang Tanah: Pengenalan kepada Perundangan Tanah serta Isu dan Cabaran | 28 - 30 Ogos 2023 | 18 |

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 11. | Seminar Mengenai Pengangkatan: Undang-Undang, Amalan dan Cabaran | 4 September 2023 | 38 |
| 12. | *Course on Statutory Interpretation* | 19 - 21 September 2023 | 20 |
| 13. | *Course on Statutory Duties and Statutory Powers* | 26 - 27 September 2023 | 22 |
| 14. | *Public Private Partnership for Beginners Course* | 16 - 17 Oktober 2023 | 26 |

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Kursus Amanah Khairat (*Charitable Trust*) di Malaysia: Pentadbiran dan Undang-Undang | 30 - 31 Januari 2023 | 34 |
| 2. | *Course on Human Rights: Child Marriage from Domestic and International Perspectives* | 13 - 14 Februari 2023 | 33 |
| 3. | *Course on Labour Laws: Forced Labour and Foreign Workers* | 7 - 8 Mac 2023 | 50 |
| 4. | Kursus Keselamatan Maklumat Kerajaan menurut Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] dan Arahan Keselamatan | 14 - 15 Mac 2023 | 45 |
| 5. | Kursus Pengendalian Senjata Api | 17 Julai 2023 | 42 |
| 6. | *Course on Personal Data Protection - Issues and Challenges* | 17 - 18 Oktober 2023 | 30 |



# WARGA PROGRAM PENASIHAT



Dr. Gan Chee Keong

**PENGARAH**



Khairunnisa Hazwani binti Omar



Manomani a/p Ramanathan



Mohamad Nuzul Azuar bin Zulkifli



Naquiah binti Jusoh



Siti Nur Farhana binti Nor Azani



Yusrina binti Mohd Yusof



Siti Nadzirah binti Musa



Siti Khairunnisa binti Mohd Razali


BANGUNAN PERDANA
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
(ILKAP)


BANGUNAN PERDANA
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
(ILKAP)




SUHAKAM



30 Tahun

1993 – 2023

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

# PROGRAM PERUNDANGAN

# PROGRAM PERUNDANGAN

Program Perundangan di bawah Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Perundangan) bertanggungjawab merancang, membangun, mengurus dan melaksanakan kursus/ bengkel/ seminar berkaitan Perundangan termasuklah:

- pengenalan kepada undang- undang terkini;
- prinsip penggubalan undang-undang;
- prinsip, prosedur dan teknik penterjemahan dan pentafsiran statut;
- prinsip prosedur dan teknik penyemakan undang-undang;
- prinsip prosedur dan teknik pembaharuan undang-undang;
- prinsip prosedur dan teknik perluasan undang-undang; dan
- prinsip prosedur dan teknik cetakan semula undang-undang.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2023, Program Perundangan telah berjaya menganjurkan sebanyak 20 kursus/ bengkel/ seminar berjadual. Daripada jumlah tersebut, enam (6) daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*). Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program Perundangan ILKAP pada tahun 2023 secara keseluruhannya adalah seramai 590 orang peserta.

Perincian kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Perundangan ILKAP pada tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA FIZIKAL

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Kursus Mengenai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan Undang-Undang Pencegahan di Malaysia – Peruntukan Undang-Undang Berkaitan Dengannya | 8 - 11 Mei 2023 | 29 |
| 2. | Kursus Undang-Undang Pilihan Raya – Perundangan dan Prosedur | 8 - 11 Mei 2023 | 25 |
| 3. | Kursus Tanda Baca dalam Teks Perundangan | 23 Mei 2023 | 29 |
| 4. | Bengkel Pengenalan Pembaharuan Undang-Undang | 30 - 31 Mei 2023 | 27 |
| 5. | Seminar *Fraud Insurans* | 6 Jun 2023 | 28 |
| 6. | Kursus Komprehensif Undang-Undang berkaitan Kanak-Kanak di Malaysia | 12 - 15 Jun 2023 | 29 |
| 7. | Kursus Kesedaran Kesalahan oleh Organisasi Komersial – Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 | 20 - 22 Jun 2023 | 24 |
| 8. | Kursus Pengenalan Penggubalan Undang-Undang | 11 - 13 Julai 2023 | 37 |

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 9. | Kursus Perundangan dan Prosedur Pensijilan Halal di Malaysia | 1 - 3 Ogos 2023 | 24 |
| 10. | Kursus Penggunaan Bahasa dalam Perundangan (Tatabahasa, Peristilahan, Penterjemahan dan Penyuntingan Terjemahan) | 8 - 10 Ogos 2023 | 30 |
| 11. | Bengkel Peranan Penolong Pegawai Undang-Undang dalam Penggubalan dan Penyemakan Undang-Undang | 22 - 24 Ogos 2023 | 24 |
| 12. | Seminar Undang-Undang Darurat di bawah Perlembagaan Persekutuan | 28 Ogos 2023 | 29 |
| 13. | Kursus Penterjemahan dan Penyuntingan Teks Perundangan | 19 - 21 September 2023 | 24 |
| 14. | Bengkel Peranan Pegawai Undang-Undang dalam Persediaan Penggubalan Perundangan | 2 - 5 Oktober 2023 | 19 |

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEl/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Kursus Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009 – Keberkesanan dan Cabaran | 25 - 26 Januari 2023 | 33 |
| 2. | Kursus Perlindungan Data Peribadi dan Bahaya Scam | 30 - 31 Januari 2023 | 50 |
| 3. | Kursus Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman yang Efektif | 14 - 15 Februari 2023 | 25 |
| 4. | Kursus "*Audi Alteram Partem*" – Maksud dan Pemakaian dalam Konteks Undang-Undang Pentadbiran | 7 - 8 Mac 2023 | 31 |
| 5. | Bengkel Teknik Kemahiran Semakan dan Cetakan Semula Undang-Undang | 7 - 8 Mac 2023 | 31 |
| 6. | Kursus Prosedur dan Amalan Parlimen | 20 – 22 Mac 2023 | 42 |



**20 KURSUS**

**590 BILANGAN PESERTA**

**KURSUS DALAM TALIAN 6**

# WARGA PROGRAM PERUNDANGAN



Mastura binti Husain

**PENGARAH**



Haslamizan bin Maliki



Nurulhuda binti Ramli



Hoo Zee Xing



Mohd Khairornizam bin Mohd Yunus



Aida binti Mohamed Bakri



Siti Nor Syawiah binti Kamis


BACA




BACA
LET'S READ
BACA
LET'S READ




# PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA DAN PENTADBIRAN

# PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA DAN PENTADBIRAN

Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran di bawah Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program PKP) bertanggungjawab merancang, membangun, mengurus dan melaksanakan kursus/ bengkel/ seminar berkaitan :

- modul kurikurikulum kursus berkaitan aspek pembangunan kerjaya & pentadbiran yang melibatkan perunding latihan.
- aspek kerjaya, etika perkhidmatan awam dan isu-isu serta cabaran semasa;
- aspek prosedur, peraturan dan kaedah dalam perkhidmatan awam; dan
- aspek pembangunan insaniah dan kemahiran serta pengurusan tadbir urus profesional dan kehakiman serta perundangan.

Selain itu, Program PKP juga bertanggungjawab melaksanakan kursus wajib Program Transformasi Minda bagi pegawai-pegawai Kehakiman dan Perundangan. Program PKP turut menyelaraskan kursus di bawah Program Pembangunan Tenaga Pengajar Institut Latihan Awam (Kursus ILA) yang menggunakan peruntukan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2023, Program PKP telah berjaya menganjurkan sebanyak 16 kursus/ bengkel/ seminar berjadual. Daripada jumlah tersebut, lima (5) daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*). Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program PKP ILKAP pada tahun 2023 secara keseluruhannya adalah seramai 589 orang peserta.

Perincian kursus / bengkel / seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program PKP ILKAP pada tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA FIZIKAL

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | *Course on Be An Effective and Exceptional Leader* | 9 – 10 Mei 2023 | 32 |
| 2. | Kursus Kepimpinan Transformasi dan Pengurusan Organisasi | 9 – 10 Mei 2023 | 20 |
| 3. | *Course on Power Up Your English: Writing Essentials* | 6 – 7 Jun 2023 | 25 |
| 4. | Program Transformasi Minda Siri 1 Tahun 2023 | 12 – 20 Jun 2023 | 50 |
| 5. | Bengkel Pengurusan Acara dan Pengacaraan Majlis | 25 – 26 Julai 2023 | 28 |
| 6. | Kursus Komputer dan Kerjaya | 5 – 6 Ogos 2023 | 28 |

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 7. | *Course on Leadership Plus* | 8 – 9 Ogos 2023 | 26 |
| 8. | *Course on Negotiation Skills - Getting A Yes* | 28 – 29 Ogos 2023 | 29 |
| 9. | Kursus Pengurusan Gangguan Seksual di Tempat Kerja | 19 – 20 September 2023 | 36 |
| 10. | *Course on English Proficiency at Workplace* | 26 – 27 September 2023 | 25 |
| 11. | Kursus Pengurusan Tekanan | 16 – 18 Oktober 2023 | 36 |

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN

| BIL. | TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Seminar Media Sosial dan Penjawat Awam | 9 Februari 2023 | 76 |
| 2. | *Seminar on Work Life Balance for Successful Personnel* | 7 Mac 2023 | 50 |
| 3. | Kursus Peranan dan Tanggungjawab Pegawai Awam | 7 – 8 Mac 2023 | 43 |
